

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (88)
Tarikh: 3 Mac 2015

KENYATAAN MEDIA

KAUNTER BERGERAK EZ-PAY

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA akan membuka kaunter bergerak ez-pay pada bulan MAC 2015. Aktiviti ini merupakan usaha dan langkah pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak terutamanya.

Di samping itu, kaunter bergerak ez-pay ini juga di harap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, antara kawasan-kawasan yang akan dilawati sepanjang bulan MAC ini adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
1	PJU 10, Damansara Damai (Berhampiran McDonald's dan stesen Minyak Shell)	Isnin - Ahad	02.03.2015 - 08.03.2015	10.00 pg – 3.00 ptg
2	SS 24 Pasar Taman Megah	Isnin - Jumaat	09.03.2015 - 13.03.2015	10.00 pg – 3.00 ptg
3	PB06, Gugusan Seroja (Perumahan Kos Rendah)	Sabtu - Isnin	14.03.2015 - 16.03.2015	10.00 pg - 3.00 ptg
4	Jalan Cecawi 6/18A, Kota Damansara (Berhampiran Stesen Minyak Shell dan Restoran Mc' Donalds)	Selasa - Ahad	17.03.2015 - 22.03.2015	10.00 pg - 3.00 ptg
5	Flora Damansara (Berhampiran Pintu Masuk Apt)	Isnin - Rabu	23.03.2015 - 25.03.2015	10.00 pg - 3.00 ptg
6	PJU 10/1B, Apt Lestari (Berhampiran Pintu Masuk)	Khamis - Ahad	26.03.2015 - 29.03.2015	10.00 pg - 3.00 ptg

Diharapkan dengan adanya hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan yang telah dirancang. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter ez-pay ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai, kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695